# PEMBIAYAAN AWAM NEGERI KEDAH

*Abdul Rahim Anuar*
*Rahimah Majid*
*Sekolah Ekonomi dan Pentadbiran Awam*

*Analisis terhadap hasil dan perbelanjaan negeri telah menunjukkan bahawa kedudukan fiskalnya sentiasa mengalami defisit. Kertas ini juga cuba melihat sejauhmanakah penglibatan kerajaan negeri, menerusi belanjawannya, untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan kedudukan sosio-ekonomi rakyatnya. Peruntukan-peruntukan kewangan dalam Perlembagaan Malaysia secara tak langsung telah mewujudkan ketidakseimbangan fiskal antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan-kerajaan negeri. Walaupun Kerajaan Persekutuan menyedari hakikat ini dengan memberi gran kepada kerajaan negeri namun masih wujud ketakseimbangan fiskal di kalangan kerajaan-kerajaan negeri. Ini dicerminkan oleh keterbatasan dalam pengutipan hasil dengan meluas dan menjejaskan pembiayaan perbelanjaan negeri dalam perbelanjaan mengurus dan pembangunan.*

## STRUKTUR DAN KOMPOSISI HASIL

Mengikut Penyata Kewangan Negeri Kedah, hasil negeri boleh dikategorikan kepada enam jenis; Jenis I adalah hasil cukai dan lesen; Jenis II adalah hasil dari bayaran mahkamah atau bayaran pejabat bagi perkhidmatan tertentu; Jenis III adalah hasil dari terimaan kerana pekerjaan yang berupa perniagaan; Jenis IV adalah hasil dari pelbagai terimaan dan jumlah tanah; dan Jenis VI adalah hasil dari pemberian Kumpulan Wang dari Kerajaan Persekutuan (lihat Lampiran A, B, C, D, E, F untuk butiran hasil yang terperinci untuk setiap jenis hasil).

Untuk memudahkan perbincangan mengenai struktur hasil negeri, Jenis I akan diklasifikasikan sebagai hasil cukai; Jenis II hingga V diklasifikasikan sebagai hasil bukan cukai; dan Jenis VI diklasifikasikan sebagai terimaan bukan hasil.

Penanalisan terhadap struktur hasil negeri Kedah adalah berdasarkan petunjuk pergantungan mengukur berapa banyakkan sumbangan jenis hasil tertentu ke atas hasil total. Ianya sangat berguna untuk menganalisa perbezaan dalam struktur hasil. Petunjuk pergantungan ditunjukkan oleh Jadula 1,2 dan 3.

Antara ketiga-tiga klasifikasi hasil tersebut, terimaan bukan hasil adalah sumber hasil yang terpenting. Bagi tempoh tahun 1980-87, terimaan bukan hasil, pada purata, menyumbangkan sebanyak 44 peratus kepada amaun hasil total. Manakala hasil bukan cukai senbanyak 29 peratus dan hasil cukai sebanyak 27 peratus. Oleh itu, kerajaan negeri Kedah sangat bergantung kepada terimaan bukan hasil.

### *Terimaan Bukan Hasil*

Terimaan bukan hasiil (Jenis VI), sebahagian besarnya, adalah pemberian-pemberian dari Kerajaan Persekutuan. Sebenarnya, kesemua 13 kerajaan negeri, termasuk negeri Kedah, menerima pemberian dari Kerajaan Persekutuan sepertimana yang telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Malaysia (Bahagian III, Jadual 10). Antara jenis pemberian Kerajaan Persekutuan yang terpenting di bawah terimaan bukan hasil bagi kerajaan negeri Kedah adalah;

(a) pemberian bagi jalaraya negeri;

(b) pemberian mengikut bilangan orang;

(c) pemberian daripada Kumpulan Wang Cadangan Negeri; dan

(d) pemberian pertumbuhan hasil.

Pemberian jalanraya negeri oleh Kerajaan Persekutuan adalah sangat penting dalam mempengaruhi amaun terimaan bukan hasil total. Pemberian jalanraya negeri dalah mengikut kadar yang tertentu. Pada permulaannya, kadar pemberiannya adalah sebanyak RM4,600.00 sebatu. Walau bagaimanapun kadar ini telah sisemak dalam tahun 1974 dengan kadar baru RM6,200.00 sebatu (Ayub: 1984). Kadar ini desemak sekali lagi pada tahun 1983 dengan kadar yang lebih tinggi iaitu RM9,300.00 sebatu. Di samping pemberian jalanraya negeri, Kerajaan Persekutuan juga membuat peruntukan pemberian bagi penyelenggaraan jalanraya di kawasan perumahan awam kos rendah dengan kadar RM5,000.00 sebatu, dan peruntukan pemberian bagi penyelenggaran lorong-lorong belakang dengan kadar RM2,400.00 sebatu. Bagi tempoh tahun 1980-87, jenis pemberian yang berasaskan jalanraya negeri telah menyumbangkan, pada purata, sebanyak 49 peratus kepada amaun terimaan bukan hasil.

Manakala pemberian mengikut bilangan orang menyumbangkan hasil yang kedua terbanyak sekali dalam amaun terimaan bukan hasil iaitu. Bagi tempoh tahun 1980-87 ianya menyumbangkan sebanyak 19 peratus kepada terimaan bukan hasil total. Pemberian mengikut bilangan orang adalah berdasarkan kadar yang berikut; bagi 50,000 orang yang pertama mengikut kadar sebanyak RM15.00 bagi setiap orang; bagi 200,000 orang yang seterusnya mengikut kadar sebanyak RM10.00 bagi setiap orang; dan bagi yang selebihnya mengikut kadar sebanyak RM4.00 bagi setiap orang. Walau bagaimanapun, kadar pemberian telah disemak pada tahun 1976 dengan kadar yang berikut; bagi 100,000 orang yang pertama mengikut kadar sebanyak RM20.00 bagi setiap orang; bagi 150,000 orang yang seterusnya mengikut kadar sebanyak RM10.00 bagi setiap orang; bagi 250,000 orang seterusnya mengikut kadar sebanyak RM6.00 bagi setiap orang; dan bagi yang selebihnya mengikut kadar sebanyak RM3.00 bagi setiap orang (Ayub:1984). Perubahan kadar dalam pemberian mengikut bilangan orang, secara

langsung, telah meningkatkan amaun terimaan bukan hasil untuk kerajaan negeri Kedah pada dekad 1980an.

Selain dari kedua-dua jenis pemberian yang telah dibincangkan itu, Kerajaan Persekutuan juga telah mewujudkan pemberian Kumpulan Wang Cadangan Negeri menerusi Perkara 109(b) dalam Perlembagaan Malaysia kepada semua kerajaan negeri. Jenis pemberian ini adalah untuk mengurangkan kesempitan kewangan yang dihadapi oleh kerajaan-kerajaan negeri. Bagi tempoh tahun 1980-87, sumbangan jenis pemberian ini kepada amaun terimaan bukán hasil untuk kerajaan negeri Kedah adalah, pada purata, sebanyak 14 peratus.

Untuk mengukuhkan kedudukan kewangan kerajaan-kerajaan negeri, termasuk kerajaan negeri Kedah, Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan pemberian pertumbuhan hasil pada tahun 1976. Pemberian ini adalah berdasarkan kenyataan bahawa kerajaan-kerajaan negeri patut juga mendapat faedah dari pertumbuhan hasil Kerajaan Persekutuan. Pemberian pertumbuhan hasil ini dibayar kepada kerajaan-kerajaan negeri jika hasil Kerajaan Persekutuan bertambah lebih daripada 10 peratus dalam sesuatu tahun tertentu dari tahun yang dahulunya. Amaun yang dibayar kepada negeri-negeri dengan itu akan berupa apa-apa jumlah wang yang melebihi 10 peratus dari kenaikan itu, tetapi tertakluk kepada kerajaan-kerajaan negeri mengikut asas yang berikut (Ayub:1984);

(i.) buat permulaannya, 50 peratus daripada amaun yang didapati itu akan diagihkan sama banyak antara kesemua 13 kerajaan negeri; dan

(ii.) baki 50 peratus dari amaun itu akan dibahagi-bahagikan berasaskan dua bahagian tiap-tiap sekepala bagi 500,000 yang pertama dari bilangan penduduk negeri, satu bahagian sekepala bagi 500,000 yang seterusnya, dan setengah bahagian sekepala bagi yang selebihnya.

Walau bagaimanapun, pemberian pertumbuhan hasil hendaklah digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan sosio-ekonomi antaranya adalah bekalan air, perumahan awam, pembangunan kawasan perindustrian, dan apa-apa projek pembangunan yang lain sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis Kewangan Negara dari masa ke semasa (Ayub:1984). Bagi tempoh tahun 1980-87, jenis pemberian pertumbuhan hasil telah menyumbangkan, pada purata, sebanyak 9 peratus kepada amaun terimaan bukan hasil. Selain daripada jenis-jenis pemberian yang disebutkan di atas, pemberian-pemberian lain yang diterima oleh kerajaan negeri Kedah, begitu juga dengan kerajaan-kerajaan negeri yang lain adalah pemberian berasaskan galian yang telah diperuntukkan dalam perkara 110(3a) Perlembagaan Malaysia (Ayub:1984). Antara jenis pemberian berasaskan galian yang diterima oleh kerajaan negeri Kedah, termasuk juga negeri-negeri lain, adalah; pemberian berkenaan dengan cukai eksport timah; pemberian berkenaan dengan cukai bijih besi; dan pemberian berkenaan dengan cukai bijih lain.

Kesemua jenis pemberian ini telah diperuntukkan dalam Akta Penguntukan Hasil (Duti Eksport atas Bijih Besi) pada tahun 1962 dan Akta Penguntukan Duti Eksport

(Bijih Galian) pada tahun 1964. Akta penguntukan Hasil (Duti Eksport atas Bijih Besi) membolehkan kerajaan-kerajaan negeri, termasuk negeri Kedah, menerima sehingga ke maksimum sebanyak 10 peratus dari ad valorem atas nilai bijih besi yang dieksportkan. Manakala Akta Penguntukan Duti Eksport (Bijih Galian) memperuntukkan kepada kerajaan-kerajaan negeri, termasuk negeri Kedah, sebahagian dari duti eksport yang dipungut oleh Kerajaan Persekutuan atas bijih galian yang lain daripada timah dan besi. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri Kedah mendapat faedah yang sedikit dari akta-akta tersebut kerana Kedah merupakan negeri yang. berasaskan pertanian dan kurang sumber bijih galian, malah sekiranya ada sumbangan hasilnya adalah marginal, berbanding dengan negeri lain seperti Perak dan Terengganu yang mempunyai galian terpenting seperti bijih timah dan petroleum (Ayub:1984). Bagi tempoh tahun 1980-87, sumbangannya kepada amaun terimaan bukan hasil adalah sangat marginal, kurang dari satu peratus.

Selain dari pemberian-pemberian yang diterima dari Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri Kedah juga menerima pemberian pelajaran agama, pemberian penyenggaraan Pihak Berkuasa Tempatan, dan bayaran 5 peratus kerana melaksanakan projek pembangunan Kerajaan Persekutuan dan tidak ketinggalan juga bayaran royalti Pulau Pinang menurut perjanjian tahun 1868.

## *Hasil Bukan Cukai*

Sumber hasil yang kedua terpenting, selepas terimaan bukan hasil adalah hasil bukan cukai. Bagi tempoh tahun 1980-87, hasil bukan cukai menyumbangkan, pada purata, sebanyak 29 peratus kepada hasil total. Hasil bukan cukai ini terdiri daripada empat jenis; (lihat lampiran B, C, D dan E)

(a) pelbagai terimaan dan jualan tanah (Jenis V);

(b) bayaran mahkamah atau bayaran pejabat bagi perkhidmatan tertentu dan penggantian wang sebagai bantuan (Jenis II);

(c) terimaan kerana pekerjaan yang berupa perniagaan (Jenis III); dan

(d) hasil daripada harga benda kerajaan (Jenis IV).

Antara keempat-empat jenis tersebut, sumber hasil dari pelbagai terimaan dan jualan tanah (Jenis V) adalah penyumbang terpenting di bawah kategori hasil bukan cukai. Sumbangannya kepada hasil total bagi tempoh tahun 1980-87 adalah, pada purata, sebanyak 7 peratus. (lihat Jadual 3). Aktiviti-aktiviti yang berasaskan tanah memainkan peranan penting dalam pengutipan hasil negeri, khususnya dalam aktiviti jualan tanah iaitu premium geran dan permium lis lombong. Bagi tempoh tahun 1980-87, sumbangan premium geran dan premium lis lombong adalah, pada purata, sebanyak 65 peratus

kepada amaun pelbagai terimaan dan jualan tanah. Di samping hasil dari tanah dan lombong, pinjaman yang dibuat daripada Kerajaan Persekutuan turut juga mempengaruhi amaun pelbagai terimaan dan jualan tanah. Bagi tempoh tahun 1980-87, sumbangan pinjaman dari Kerajaan Persekutuan adalah, pada purata, sebanyak 27 peratus kepada amaun pelbagai terimaan dan jualan tanah.

Sumber hasil dari bayaran mahkamah atau bayaran pejabat bagi perkhidmatan tertentu dan penggantian wang sebagai bantuan (Jenis II) adalah juga penting dengan sumbangannya bagi tempoh tahun 1980-87 adalah pada purata, sebanyak 16.4 peratus kepada hasil total (lihat Jadual 3). Butiran hasilnya yang utama adalah Caruman dari Kumpulan Wang Bekalan Air, Cukai Taliair, Caruman untuk Perkhidmatan Pekerja Perusahaan dan Buruh Kasar, dan Pelbagai Cukai Tanah yang bagi tempoh tahun 1980-87 sumbangan masing-masing kepada amaun hasil, pada purata, sebanyak 29 peratus, 26 peratus, 23 peratus dan 13 peratus.

Manakala sumber hasil dari terimaan kerana pekerjaan yang berupa perniagaan (Jenis III) menyumbangkan, pada purata, sebanyak 3 peratus kepada hasil total (lihat Jadual 3). dengan penyumbang utamanya adalah bekalan cukai air dan bekalan air, jualan tuak, dan jualan harta kerajaan dan jualan bangunan dan barang yang tidak boleh digunakan. Apa yang menarik di sini adalah butiran bekalan cukai air dan bekalan air telah digugurkan dari senarai hasil negeri pada tahun 1983, dan butiran jualan tuak pada tahun 1978. Ini secara langsung telah menjejaskan amaun pengutipan hasil negeri khususnya amaun terimaan kerana pekerjaan yang berupa perniagaan.

Akhir sekali, untuk hasil dari harta benda kerajaan (Jenis IV), sumbangannya ke atas hasil total adalah marginal. Bagi tempoh tahun 1980-87, ianya menyumbangkan sebanyak 2 peratus kepada hasil total (lihat Jadual 3). Kebanyakan daripada hasil ini diperolehi dari penyewaan bangunan dan perkakas rumah kerajaan dan bayaran rumah rehat. Selain daripada kegiatan ini, kerajaan juga mendapat hasil dalam bentuk faedah dari simpanan-simpanannya dalam bank-bank perdagangan dan faedah-faedah dari pinjamannya kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah.

## *Hasil Cukai*

Sumber hasil yang ketiga terpenting adalah hasil cukai (Jenis I), yang bagi tempoh tahun 1980-87 menyumbangkan, pada purata, sebanyak 27 peratus kepada hasil total (lihat Jadual 3). Hasil cukai ini terdiri dari (lihat Lampiran A).

(a) hasil, cukai dan lesen dari hutan, tanah dan galian;

(b) lesen, bayaran pendaftaran dan permit; dan

(c) cukai hiburan.

Antara ketiga-tiga jenis itu, hasil, cukai dan lesen dari hutan, tanah dan galian merupakan sumber hasil yang utama di bawah hasil cukai dan diikuti oleh cukai hiburan. Bagi tempoh tahun 1980-87, sumbangan hasil, cukai dan lesen, dan hutan dan tanah adalah, pada purata 85 peratus kepada amaun hasil cukai. Manakala cukai hiburan menyumbangkan, pada purata, 5 peratus kepada amaun hasil cukai.

## *Haluan Perkembangan Hasil Total Negeri*

Analisis ke atas tren perkembangan hasil total, berdasarkan kadar pertumbuhannya, boleh dipecahkan mengikut tahun 1960an, 1970an, dan 1980an (lihat Jadual 4).

Dalam tahun 1960an trennya adalah stabil dan meningkat dari tahun ke tahun. Pada tempoh tersebut, pemberian-pemberian dari Kerajaan Persekutuan (terimaan bukan hasil) merupakan sumber hasil yang utama. Ini ditunjukkan oleh sumbangannya kepada hasil total negeri adalah, pada purata, sebanyak 44 peratus berbanding dengan hasil bukan cukai 29 peratus dan hasil cukai 27 peratus (lihat Jadual 1).

Tren perkembangan hasil ini yang stabil dan meningkat mulai terjejas dalam tahun 1970an, khususnya pada tahun 1972 dan 1978. Ini berlaku kerana pengurangan yang signifikan dalam terimaan bukan hasil, khususnya dalam pemberian-pemberian pelajaran agama dan pemberian Kumpulan Wang Cadangan Negeri dari Kerajaan Persekutuan pada tahun-tahun tersebut yang dicerminkan oleh kejatuhan kadar pertumbuhannya sebanyak [-20 peratus] dalam tahun 1972 berbanding dengan tahun sebelumnya dan [-45 peratus] dalam tahun 1978 berbanding dengan tahun sebelumnya. Malah petunjuk pergantungan jenis hasil tertentu ke atas terimaan bukan hasil menunjukkan tren yang berbeza berbanding dengan dekad 1960an. Bagi tempoh tahun 1970-79,. sumbangan terimaan bukan hasil kepada hasil total telah merosot menjadi 35 peratus berbanding dengan kenaikan sumbangan dalam hasil bukan cukai dan hasil cukai yang masing-masing sebanyak 34 peratus dan 31 peratus (lihat Jadual 1).

Tren haluan perkembangan hasil total dalam tahun 1970-79 berterusan dalam dekad 1980an, malah ianya lebih ketara lagi. Kejatuhan kadar pertumbuhan hasil total berlaku dalam tahun 1980 [-17 peratus], 1983 [-21 peratus], 1985 [-26 peratus], dan 1987 [-20 peratus]. Apa yang menarik di sini adalah kejatuhan kadar pertumbuhan hasil total ini bukanlah disebabkan oleh pengurangan dalam pemberian dari Kerajaan Persekutuan, kecuali tahun 1980, tetapi disebabkan oleh pengurangan yang signifikan dalam hasil cukai dan hasil bukan cukai. Malah bagi tempoh tahun 1980-87, sumbangan pemberian Kerajaan Persekutuan adalah yang terbesar sekali. Petunjuk pergantungan menunjukkan bahawa pemberian Kerajaan Persekutuan ke atas hasil total adalah, pada purata, sebanyak 44 peratus berbanding dengan kejatuhan sumbangan hasil bukan cukai dan hasil cukai yang masing-masing sebanyak 29 peratus dan 27 peratus (lihat Jadual 1).

Pengurangan yang signifikan dalam hasil cukai adalah disebabkan oleh keadaan ekonomi negara yang meleset yang secara tak langsung menyebabkan kejatuhan dalam hasil cukai, lesen, gantirugi dan pampasan dari hutan, dan cukai hiburan. Manakala pengurangan yang signifikan dalam hasil bukan cukai disebabkan oleh butiran bayaran

cukai air dan bekalan air di bawah Jenis III, tidak lagi dikelaskan di bawah hasil kerajaan negeri.

Beberapa perkara boleh diketengahkan setelah menganalisa struktur hasil negeri. Di sini komponen terimaan bukan hasil dikecualikan dari penganalisaan kerana ianya lebih merupakan gran dan tidak mencerminkan keupayaan pengutipan hasil bagi kerajaan negeri yang sebenarnya. Oleh itu, komponen penting adalah hasil bukan cukai dan hasil cukai kerana hasil-hasil ini berasaskan aktiviti ekonomi yang dijalankan dalam negeri Kedah dan secara langsung mencerminkam keupayaan pengutipan hasil oleh kerajaan negeri. Pengutipan hasil yang terbanyak sekali adalah berpunca dari aktiviti-aktiviti yang berasaskan tanah, hutan, galian, saliran dan pengairan. Ini adalah benar kerana struktur ekonomi negeri Kedah berteraskan pertanian.

## STRUKTUR DAN KOMPOSISI PERBELANJAAN

Perbelanjaan negeri atau perbelanjaan totalnya, mengikut Penyata Kewangan Negeri Kedah, terdiri dari perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Penganalisaan ke atas perbelanjaan mengurus akan diklasifikasikan mengikut objek iaitu emolumen; perkhidmatan, dan bekalan dan perolehan aset; pemberian, bantuan dan kenaan bayaran tetap; hutang kerajaan; caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan Bekalan Air. Penganalisaan ke atas struktur perbelanjaan mengurus mengikut objek amat berguna untuk tujuan pengurusan belanjawan negeri dan juga penganalisaan ekonomi (lihat Jadual 5, 6, 7).

Untuk perbelanjaan pembangunan, ianya boleh dibahagikan kepada perkhidmatan- perkhidmatan ekonomi dan perkhidmatan-perkhidmatan sosial. Dalam perkhidmatan- perkhidmatan ekonomi ianya boleh dipecahkan mengikut sektor pertanian dan pembangunan luar bandar; perdagangan dan perlombongan; dan pengangkutan dan perhubungan.

Bagi perkhidmatan-perkhidmatan sosial pula ianya boleh dibahagikan mengikut sektor pelajaran dan perancangan; kesihatan dan perancang keluarga; perumahan; perkhidmatan sosial dan masyarakat; dan pentadbiran am. Pengelasan perbelanjaan pembangunan negeri yang sedemikian dapat membantu untuk menganalisa sejauhmanakah penglibatan kerajaan negeri dalam meningkatkan pertumbuhan ekonominya dan taraf sosio-ekonomi rakyatnya.

Penganalisaan struktur perbelanjaan negeri akan berdasarkan nisbah jenis perbelanjaan tertentu ke atas perbelanjaan total. Nisbah ini ditunjukkan oleh Jadual 5. Bagi dekad 1960an, pada puratanya, sebanyak 81 peratus daripada perbelanjaan total terdiri daripada perbelanjaan mengurus manakala bakinya 19 peratus adalah perbelanjaan pembangunan. Ini secara tak langsung mencerminkan bahawa pada tahun-tahun 1960an projek-projek pembangunan sosio-ekonomi pada peringkat negeri adalah terhad. Walau bagaimanapun selepas adanya rancangan pembangunan yang lebih tersusun yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dengan mengambilkira projek-projek pembangunan negeri di dalam perancangannya menerusi Rancangan

Malaysia Kedua dan Ketiga maka nisbah perbelanjaan pembangunan negeri telah meningkat, pada purata, kepada 31 peratus bagi tempoh tahun 1970-79. Malah dalam dekad 1980an, nisbah perbelanjaan pembangunan meningkat iaitu, pada purata, sebanyak 45 peratus daripada perbelanjaan total manakala perbelanjaan mengurus adalah 55 peratus.

## *Perbelanjaan Mengurus*

Merujuk jadual 6, bagi tempoh tahun 1980-87, sebahagian besar daripada perbelanjaan mengurus telah diperuntukkan untuk pembayaran emolumen iaitu, pada purata sebanyak 33 peratus. Ini diikuti oleh pembayaran hutang kerajaan sebanyak 28 peratus; perbelanjaan ke atas perkhidmatan bekalan dan perolehan aset sebanyak 21 peratus; caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan Bekalan Air sebanyak 9 peratus; perbelanjaan ke atas pemberian, bantuan dan kenaan bayaran tetap sebanyak 8 peratus; dan akhir sekali peruntukan Diraja sebanyak 1 peratus.

### *Emolumen*

Perbelanjaan ke atas emolumen sangat dipengaruhi oleh bilangan jawatan dan kategori jawatan dalam sesuatu jabatan serta bilangan jabatan yang wujud dalam pentadbiran kerajaan negeri. Terdapat beberapa perkara yang menarik apabila membincangkan struktur perbelanjaan emolumen. Dari tahun 1964 hingga 1987, berlaku tiga penyemakan dan penyelarasan struktur gaji di kalangan kakitangan kerajaan pada peringkat negeri dan Kerajaan Persekutuan. Penyemakan pertama adalah pada tahun 1971 menerusi Laporan Gaji Suffian; kedua dan ketiga adalah pada tahun 1977 dan 1980 menerusi Laporan Gaji Kabinet. Dengan itu, perbelanjaan ke atas emolumen adalah, pada purata, meningkat kepada 47 peratus bagi dekad 1970an berbanding dengan hanya 37 peratus bagi tempoh tahun 1964-69 (lihat Jadual 6). Walaupun kenaikan struktur ini menguntungkan kakitangan kerajaan yang terlibat dalam tahun-tahun yang berkenaan namun bagi pihak kerajaan negeri ianya perlu menanggong beban pertambahan perbelanjaan tersebut kerana sumber-sumber hasilnya adalah terhad. Walau bagaimanapun bagi tempoh tahun 1980-87, perbelanjaan ke atas emolumen telah jatuh, pada purata, kepada 33 peratus. Pengurangan dalam perbelanjaan emolumen ini disebabkan oleh pembubaran beberapa jabatan dalam jentera pentadbiran kerajaan negeri seperti Pelindung Mergastua, Lembaga Bandaran dan Tuak Kerajaan. Sehingga akhir tahun 1987, terdapat 43 jabatan dalam jentera pentadbiran kerajaan negeri dengan bilangan jawatan sebanyak 5,914. Dari sejumlah 5,914 jawatan ini, terdapat 219 jawatan A; 238 jawatan B; 1,044 jawatan C; 1,474 jawatan D; dan 2,939 jawatan IMG. Bagi tempoh tahun 1980-87, di antara 43 jabatan itu, Jabatan Kerja Raya membuat perbelanjaan emolumennya yang terbesar sekali, pada

purata, sebanyak 36 peratus daripada amaun perbelanjaan emolumen. Keadaan ini berlaku kerana bilangan jawatan dan kategori jawatan di Jabatan Kerja Raya adalah yang terbesar sekali berbanding dengan jabatan- jabatan lain. Sehingga pada akhir tahun 1987 terdapat sebanyak 2,749 jawatan di Jabatan Kerja Raya. yang merupakan 46 peratus daripada keseluruhan jawatan dalam pentadbiran kerajaan negeri Kedah.

Saiz perbelanjaan emolumen di bawah Pejabat Daerah dan Tanah pula adalah sebanyak 18 peratus daripada amaun perbelanjaan emolumen; dan diikuti oleh Jabatan Agama dan Mahkamah Syariah 12 peratus; dan Jabatan dan Parit Taliair sebanyak 7 peratus.

### *Perkhidmatan Bekalan dan Perolehan Aset*

Perbelanjaan ke atas perkhidmatan bekalan dan perolehan aset, begitu juga dengan perbelanjaan emolumen, merupakan suatu perbelanjaan yang perlu dan mesti untuk menggerak dan melicinkan jentera pentadbiran kerajaan negeri. Dari Jadual 6 didapati bagi tempoh tahun 1964-69, perbelanjaan ke atas perkhidmatan, bekalan dan pemilikan aset, adalah, pada purata, sebanyak 47 peratus daripada amaun perbelanjaan mengurus berbanding dengan perbelanjaan ke atas emolumen, pada purata sebanyak 37 peratus. Pemilikan aset merupakan faktor kepada peningkatan dalam amaun perbelanjaan perkhidmatan, bekalan dan pemilikan aset berbanding dengan perbelanjaan ke atas perkhidmatan dan bekalan. Pembelian-pembelian aset, seperti kereta, mesin, jentera dan bangunan bagi jabatan-jabatan kerajaan memerlukan kos perbelanjaan yang tinggi. Walau bagaimanapun pembelian aset ini boleh digunakan untuk jangka masa yang tertentu. Dengan itu, bagi dekad 1970an dan dekad 1980an, perbelanjaan ke atas perkhidmatan, bekalan dan pemilikan aset berkurangan, pada purata, kepada 23 dan 21 peratus daripada amaun perbelanjaan mengurus bagi tahun-tahun yang berkenaan. Bagi tempoh tahun 1980-87, jabatan yang membuat perbelanjaan terbanyak sekali adalah juga dari Jabatan Kerja Raya iaitu pada purata sebanyak 46 peratus daripada amaun perbelanjaan ke atas perkhidmatan dan bekalan dan perolehan aset bagi tempoh tahun 1980-87. Ini diikuti oleh jabatan Pelbagai Perkhidmatan sebanyak 11 peratus; Jabatan Agama dan Mahkamah Syariah sebanyak 8 peratus; Jabatan dan Parit Taliair sebanyak 7 peratus; dan Pejabat Daerah dan Tanah sebanyak 5 peratus daripada amaun perbelanjaan ke atas perkhidmatan bekalan, dan pemilikan aset.

### *Hutang Kerajaan Negeri*

Untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi rakyat, khususnya bagi golongan yang miskin, kerajaan negeri telah melaksanakan projek pembangunan seperti

rancangan bekalan air, rancangan tanah pinggir dan perumahan awam kos rendah. Untuk membiayai projek-projek ini, pembiayaan menerusi pinjaman dari Kerajaan Persekutuan perlu dibuat kerana hasil kerajaan negeri adalah terhad. Bagi tempoh tahun 1964-69 dan dekan 1970an, perbelanjaan ke atas hutang kerajaan negeri adalah, pada purata, sebanyak 4 peratus dan 7 peratus daripada amaun perbelanjaan mengurus (lihat Jadual 6). Antara jenis pembayaran hutang yang penting adalah hutang ke atas pinjaman bekalan air, pinjaman kawasan perumahan awam, dan pinjaman untuk rancangan tanah pinggir. Walau bagaimanapun, bagi tempoh tahun 1980-87, perbelanjaan ke atas hutang kerajaan negeri meningkat dengan signifikan, pada purata, kepada 28 peratus daripada amaun perbelanjaan mengurus berbanding dengan tempoh tahun-tahun sebelumnya. Peningkatan yang besar ini adalah berikutan dari pertambahan dalam pinjaman-pinjaman projek bekalan air, rancangan perumahan awam kos rendah dan pinjaman untuk Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah untuk menyokong kegiatan ekonominya supaya matlamat Dasar Ekonomi Baru yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kedua hingga Rancangan Malaysia Kelima dapat direalisasikan.

## *Caruman Kepada Kumpulan Wang Berkanun*

Perbelanjaan untuk maksud Caruman Kepada Kumpulan Wang Berkanun merupakan suatu perbelanjaan yang bersifat caruman yang mesti seperti yang diperuntukkan dalam Akta Acara Kewangan 1957 Dari Jadual 6 bagi tempoh 1980-87, perbelanjaan ke atas caruman kepada Kumpulan Wang Berkanun telah berkurangan, pada purata, sebanyak 9 peratus daripada amaun perbelanjaan mengurus berbanding dengan dekad 1970an yang sebanyak 16 peratus dan bagi tempoh tahun 1964-69 yang sebanyak 10 peratus. Antara jenis caruman yang penting adalah caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan, caruman kepada Kumpulan Wang Bekalan Air, caruman kepada Kumpulan Wang Amanah dan caruman kepada Kumpulan Wang Pelancongan Negeri. Kesemua pembangunan, antara yang terpenting adalah projek bekalan air, rancangan tanah pinggir dan rancangan perumahan awam dan rancangan pertanian dan pembangunan luar bandar.

## *Pemberian, Kenaan Bayaran Tetap dan Bantuan*

Jenis perbelanjaan ke atas pemberian, kenaan bayaran tetap, dan bantuan merupakan perbelanjaan sehala atau bayaran pindahan bagi kerajaan negeri. Antara jenis perbelanjaan ini yang penting adalah pencen siasah dan elaun hidup ehsan serta elaun belanja hidup. Di samping itu, pemberian dan kenaan bayaran tetap juga dibuat oleh jabatan-jabatan berikut; Perbendaharaan, Pejabat Menteri

Besar dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pelbagai Perkhidmatan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Dewan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan dan akhir sekali Jabatan Haiwan. Perbelanjaan ke atas pemberian, kenaan bayaran tetap, dan bantuan bagi tempoh tahun 1964-69, adalah, pada purata, satu peratus daripada perbelanjaan mengurus; iaitu, suatu perbelanjaan yang marginal (lihat Jadual 6). Ini adalah kerana perbelanjaan hanya dibuat untuk pencen siasah, elaun hidup ehsan, dan elaun belanja hidup. Walau bagaimanapun, bagi dekad 1970an, untuk membantu dan meningkatkan taraf sosio-ekonomi rakyatnya, perbelanjaan ke atas pemberian dan bantuan disenaraikan sebagai sebahagian dari perbelanjaan mengurus. Antara sektor yang mendapat faedah dari perbelanjaan sehala ini adalah sektor pelajaran menerusi pemberian kepada Lembaga Biasiswa Negeri; sektor pertanian dan pengairan menerusi pemberian kepada Lembaga Kemajuan Tanah Negeri dan menerusi pencaruman kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda; dan secara khusus bantuan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah untuk menyokong kegiatan ekonominya. Bagi dekad 1970an, perbelanjaan sehala ini, termasuk pencen siasah, elaun hidup ehsan, dan elaun belanja hidup adalah, pada purata, sebanyak 7 peratus daripada amaun perbelanjaan mengurus berbanding dengan tempoh tahun 1964-69. Malah bagi tempoh tahun 1980-87, perbelanjaan sehala ini terus meningkat iaitu, pada purata, sebanyak 8 peratus daripada amaun perbelanjaan mengurus sebagai akibat dari tambahan perbelanjaan ke atas pemberian dan kenaan bayaran tetap oleh jabatan-jabatan yang telah disenaraikan.

## *Peruntukan DiRaja*

Perbelanjaan ke atas peruntukan DiRaja, yang juga boleh disifatkan sebagai bayaran pindahan adalah, pada purata, sebanyak 1 peratus daripada amaun perbelanjaan mengurus bagi tempoh tahun 1964-87 (lihat Jadual 6). Ianya merupakan perbelanjaan yang marginal berbanding dengan jenis-jenis perbelanjaan mengurus yang lain.

## *Haluan Perkembangan Perbelanjaan Mengurus*

Analisis ke atas haluan perkembangan perbelanjaan mengurus, akan dipecahkan mengikut tahun 1960an, 1970an dan 1980an (lihat jadual 8). Bagi tempoh tahun 1960an, kecuali tahun 1969, kadar pertumbuhan perbelanjaan mengurus menunjukkan haluan yang meningkat. Kejatuhan kadar pertumbuhan perbelanjaan mengurus sebanyak -3.1 peratus pada tahun 1969 adalah ekoran daripada pengurangan yang signifikan dalam perbelanjaan ke atas caruman kepada Kumpulan Wang Berkanun.

Tren haluan perkembangan perbelanjaan mengurus yang meningkat bagi tempoh tahun 1964-69 berterusan dalam dekad 1970an, kecuali tahun 1972 dan 1978. Faktor yang menyebabkan kenaikan dalam kadar pertumbuhan perbelanjaan mengurus adalah peningkatan perbelanjaan emolumen sebagai akibat daripada penyemakan gaji baru dalam tahun 1971 dan 1977, dan juga peningkatan dalam pemberian, bantuan dan kenaan bayaran tetap yang signifikan dalam tahun 1970 dan 1976, serta peningkatan dalam hutang kerajaan dalam tahun 1971 dan 1976. Dalam tahun 1978, perbelanjaan ke atas kesemua jenis perbelanjaan mengurus, kecuali perbelanjaan ke atas perkhidmatan bekalan dan pemilikan aset, telah berkurangan dengan signifikan kerana pembubaran beberapa jabatan-jabatan kerajaan antaranya, Pelindung Mergastua, Kedai Tuan Kerajaan dan Lembaga Bandaran. Kejatuhan kadar pertumbuhan perbelanjaan mengurus adalah sebanyak (-18 peratus).

Tren haluan perkembangan perbelanjaan mengurus yang meningkat ini berterusan lagi bagi tempoh tahun 1980-87, kecuali dalam tahun-tahun 1983 dan 1987. Faktor utama yang menyebabkan kadar pertumbuhan perbelanjaan mengurus yang tinggi adalah peningkatan perbelanjaan ke atas perkhidmatan bekalan dan pemilikan aset kepada 106 peratus dan perbelanjaan ke atas hutang kerajaan negeri kepada 708 peratus dalam tahun 1986.

## *PERBELANJAAN PEMBANGUNAN*

Sepertimana yang telah disebutkan tadi, untuk perbelanjaan pembangunan, ianya boleh dibahagikan kepada perkhidmatan-perkhidmatan ekonomi dan perkhidmatan- perkhidmatan sosial. Dalam perkhidmatan-perkhidmatan ekonomi ianya boleh dipecahkan lagi kepada pertanian dan pembangunan luar bandar; perdagangan dan perlombongan; dan pengangkutan dan perhubungan. Bagi perkhidmatan-perkhidmatan sosial pula ianya boleh dibahagikan kepada pelajaran dan perancangan; kesihatan dan perancang keluarga; perumahan; perkhidmatan sosial dan masyarakat; dan pentadbiran am. Pengelasan perbelanjaan pembangunan negeri yang sedemikian dapat membantu untuk menganalisa sejauhmanakah penglibatan keajaan negeri dalam meningkatkan pertumbuhan ekonominya dan taraf sosio-ekonomi rakyatnya.

Walau bagaimanapun, mengikut Penyata Kewangan Negeri Kedah, pengelasan perbelanjaan pembangunan adalah tidak berdasarkan klasifikasi ekonomi tetapi ianya berdasarkan jabatan-jabatan tertentu. Walaupun begitu, aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh jabatan-jabatan yang berkenaan secara tak langsung mencerminkan pengelasan perbelanjaan mengikut klasifikasi ekonomi. Jabatan- jabatan yang terlibat dalam perbelanjaan pembangunan adalah a] Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri; b] Jabatan Kerja Raya; c] Jabatan Parit dan Taliair; d] Pejabat Daerah dan Pengarah Tanah dan Galian; e] Jabatan Pertanian; f] Jabatan Hutan; g] Jabatan Haiwan; dan h] Pejabat Kewangan Negeri.

Semenjak tahun 1964, saiz perbelanjaan pembangunan, yang ditunjukkan oleh nisbah perbelanjaan pembangunan ke atas perbelanjaan total, telah meningkat, pada purata, kepada 45 peratus bagi tempoh tahun 1980-87, berbanding dengan 31 peratus bagi tempoh 1970-79, dan 19 peratus bagi tempoh tahun 1964-69 (lihat Jadual 5). Pertambahan nisbah perbelanjaan pembangunan ini, secara tak langsung, mencerminkan kesungguhan kerajaan negeri untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi rakyatnya dan juga pertumbuhan ekonomi negeri, dan pada masa yang sama untuk merealisasikan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

## *Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri*

Di antara jabatan-jabatan itu (lihat Jadual 9), saiz perbelanjaan pembangunan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri adalah yang terbesar sekali berbanding dengan jabatan-jabatan lain. Bagi tempoh tahun 1980-87, perbelanjaan pembangunan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri adalah, pada purata, sebanyak 49 peratus daripada amaun perbelanjaan pembangunan. Saiz perbelanjaan yang besar ini ada justifikasinya. Kebanyakan dari perbelanjaan pembangunannya bertumpu dalam projek-projek perindustrian dan perdagangan dan projek perumahan awam berkos rendah meneruskan kegiatan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, dan projek perumahan awam berkos rendah, serta rancangan- rancangan pembangunan luar bandar dan desa (lihat Jadual 10). Perbelanjaan pembangunan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi rakyat negeri kerana kadar kemiskinan di kalangan rakyatnya adalah yang ketiga tertinggi iaitu 31.1 peratus, selepas Kelantan (31.6 peratus) dan Terengganu (36.1 peratus) pada tahun 1987 (Kajian Separuh Penggal RML:1989).

## *Jabatan Kerja Raya*

Jabatan yang kedua terpenting, dari segi saiz perbelanjaan pembangunan, adalah Jabatan Kerja Raya. Bagi tempoh tahun 1980-87, perbelanjaan pembangunannya adalah sebanyak, pada purata, 42 peratus daripada amaun perbelanjaan pembangunan. Sebahagian besar daripada perbelanjaan pembangunannya bertumpu dalam penyediaan kemudahan prasarana, khususnya pembinaan sistem jalanraya dan jambatan, dan juga untuk pembinaan bangunan dan pejabat kerajaan.

untuk pembangunan desa dan bandar; 2 peratus untuk sosial; dan 2 peratus untuk pertanian, perhutanan, dan penternakan.

Di antara jenis perbelanjaan pembangunan mengikut klasifikasi ekonomi itu, perbelanjaan ke atas infrastruktur adalah terpenting sekali bagi tempoh tahun 1980-87, ianya adalah, pada purata sebanyak 35 peratus dari amaun perbelanjaan pembangunan. Saiz perbelanjaan pembangunan yang besar ke atas infrastruktur adalah perlu kerana ianya merupakan penyokong dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti ekonomi yang lain, khususnya dalam sektor perdagangan dan perindustrian. Kebanyakan daripada perbelanjaan pembangunan ini dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan melalui pemberian Kerajaan Persekutuan yang bergantibayar.

Apa yang menarik di atas adalah penglibatan kerajaan negeri dalam sektor pertanian menerusi perbelanjaan pembangunannya adalah marginal iaitu 2 peratus sahaja walhal struktur ekonomi negeri adalah berteraskan sektor pertanian. Keadaan ini berlaku kerana sebahagian besar daripada projek-projek pembangunan petanian dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan menerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) dan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP). Ini secara tak langsung, mencerminkan bahawa kerajaan negeri berfungsi sebagai penyedia perkhidmatan kepda sektor pertanian.

Oleh itu, penglibatan kerajaan negeri hanya bertumpu dalam sektor perdagangan dan perindustrian dan perumahan menerusi kegiatan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah. Perbadanan ini mempunyai tanggungjawab yang besar untuk menggerakkan pertumbuhan ekonomi dan mengubahkan teras pembangunan ekonomi negeri dari pengantungannya di atas sektor pertanian kepada sektor perdagangan dan perindustrian. Kesungguhannya ini ditunjukkan oleh perbelanjaan pembangunan ke atas sektor perdagangan dan perindustrian adalah, pada purata, sebanyak 38 peratus daripada amaun perbelanjaan pembangunan bagi tempoh tahun 1970-79. Walau bagaimanapun, ekoran dari kemelesetan ekonomi dalam dekad 1980an, perbelanjaan pembangunannya telah jatuh, pada purata, kepada 26 peratus daripada amaun perbelanjaan pembangunan. Ini adalah juga ekoran daripada Kerajaan Persekutuan yang telah mengurangkan bantuan pinjamannya kepada kerajaan negeri kerana ianya juga mengalami kesempitan kewangan. Apa yang hendak diketengahkan di sini, adalah sebahagian besar daripada perbelanjaan pembangunan ke atas Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah tersebut telah dibiayai dengna pinjaman dari Kerajaan Persekutuan. Dari tahun 1964-1987, berdasarkan Penyata Kewangan Negeri Kedah, jumlah pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan negeri untuk Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah adalah sebanyak RM299.4 juta. Walaupun perbelanjaan pembangunan ke atas sektor perdagangan dan perindustrian membawa faedah keapda sosio-ekonominya. Namun ianya juga membebankan kerajaan negeri dari segi pembayaran hutang kepada Kerajaan Persekutuan.

Di samping untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri menerusi kegiatan ekonomi Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, kerajaan negeri menunjukkan kesungguhannya untuk meningkatkan mutu hidup rakyatnya dengan menyediakan rumah-rumah yang berkos rendah dan juga kemudahan asas. Ini ditunjukkan oleh perbelanjaan pembangunannya ke atas perumahan yang bagi tempoh tahun 1980-87 adalah pada purata sebanyak 16 peratus daripada amaun perbelanjaan pembangunan.

Menerusi belanjawan negeri khususnya dalam perbelanjaan pembangunan, penglibatan kerajaan dalam kegiatan ekonomi negeri adalah ketara dalam sektor perdagangan dan perindustrian dan sektor perumahan sahaja manakala sektor terpenting yang lain seperti pertanian dan infrastruktur dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutan ekonomi negeri dapat ditingkatkan.

## KEDUDUKAN FISKAL NEGERI

Setelah menganalisa struktur hasil dan perbelanjaan negeri, adalah lebih menafaat sekiranya dibuat perbandingan antara hasil dan perbelanjaan. Perbandingan ini, secara langsung, akan mengukur kedudukan fiskal kerajaan sama ada ianya mengalami defisit atau lebihan. Defisit/lebihan ini akan mencerminkan kedudukan tabungan negeri. Sekiranya kedudukan fiskal kerajaan negeri menunjukkan 'lebihan' maka ianya menunjukkan peningkatan dalam tabungan. Defisit pula mengimplikasikan yang kerajaan negeri perlu membuat pinjaman, justeru berhutang dari sumber-sumber lain khususnya Kerajaan Persekutuan, untuk membiayai perbelanjaannya. Kedudukan fiskal kerajaan negeri ditunjukkan oleh jadual 14.

### *Defisit Semasa dan Seluruh*

Penganalisaan ke atas kedudukan fiskal kerajaan negeri akan dipecahkan mengikut dekad 1960an, 1970an dan 1980an. Bagi tempoh tahun 1964-69, kedudukan fiskal kerajaan negeri, khususnya kedudukan fiskal semasanya menunjukkan lebihan yang marginal, pada purata, sebanyak RM0.03 juta. Tetapi kedudukan fiskal keseluruhannya menunjukkan defisit, pada purata sebanyak [RM5.91 juta].

Kedudukan lebihan dalam fiskal semasa bagi tempoh tahun 1960-69 tidak dapat dikekalkan dalam dekad 1970an. Kedudukan fiskal semasa, bagi tempoh 1970-79 menunjukkan defisit yang banyak iaitu, pada purata, sebanyak [RM1.76 juta]. Malah, kedudukan fiskal keseluruhannya menunjukkan defisit yang semakin meluas iaitu, pada purata, sebanyak [RM21.78 juta]. Tren ini berterusan dan semakin tenat bagi tempoh tahun 1980-87 dengan kedudukan fiskal semasanya mengalami defisit yang semakin besar, pada purata, sebanyak [RM54.42 juta], dan kedudukan fiskal seluruhnya pula semakin runcing dengan defisit yang semakin meluas, pada purata, sebanyak [RM164.11 juta].

Keadaan defisit yang semakin meluas dalam kedudukan fiskal semasa dan seluruh mencerminkan bahawa keupayaan pengutipan hasil bagi kerajaan negeri adalah terhad berbanding dengan perbelanjaan yang dilakukan olehnya iaitu perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Semenjak dari tahun 1964, jurang antara hasil dengan perbelanjaan semakin besar dan sekiranya tidak dikawal akan membawa kesulitan dan kesempitan kewangan bagi kerajaan negeri pada masa-masa akan datang khususnya dalam dekad 1990an. Ada berbagai sebab keadaan defisit dalam kedudukan fiskal berlaku.

Pertama, hasil kerajaan negeri tidak anjal. Ini adalah kerana kadar cukai negeri seperti levi tanah dan hutan hanya boleh diubah selepas selang waktu yang lama. Tambahan pula, cukai-cukai negeri bukanlah jenis yang ada kaitannya dengan pertumbuhan ekonomi seperti cukai pendapatan dan cukai eksport dan import.

Pada masa yang sama, kerajaan negeri hanya dibolehkan mengutip hasil sepertimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Malaysia (Perkara 110). Antaranya jenis-jenis hasil yang dibenarkan adalah;

(a) Hasil dari kedai tuak.

(b) Hasil dari tanah, lombong dan hutan.

(c) Hasil dari lesen-lesen, lain daripada lesen-lesen berhubung dengan kereta- kereta yang didorongi jentera, pepasangan-pepasangan elektrik dan pendaftaran perniagaan-perniagaan.

(d) Duti hiburan.

(e) Bayaran-bayaran dalam mahkamah, lain daripada mahkamah persekutuan.

(f) Bayaran-bayaran dan terimaan-terimaan mengenai perkhidmatan-perkhidmatan tertentu yang dijalankan oleh jabatan-jabatan kerajaan negeri.

(g) Hasil bagi lembaga-lembaga bandaran, majlis-majlis bandaran, lembaga-lembaga luar bandar, majlis-majlis tempatan dan pihak-pihak berkuasa tempatan yang seumpamanya lain daripada

    (i) perbandaran yang ditubuhkan di bawah Ordinan Perbandaran;

    (ii) lembaga-lembaga bandar, majlis-majlis bandaran, lembaga-lembaga luar bandar, majlis-majlis tempatan dan pihak-pihak berkuasa tempatan yang seumpamanya yang ada mempunyai kuasa di bawah undang-undang bertulis untuk memegang hasil- hasilnya dan mengawal perbelanjaan hasil-hasilnya.

(h) Terimaan-terimaan mengenai bekalan air, termasuk kadar-kadar air.

(i) Sewa-sewa mengenai harta negeri.

(j) Bunga atas baki-baki wang negeri.

(k) Terimaan-terimaan dari jualan-jualan tanah dan jualan-jualan harga negeri.

(l) Denda-denda dan rampasan-rampasan dalam mahkamah, lain daripada mahkamah persekutuan.

(m) Zakat, Fitrah dan Baitulmal dan hasil ugama Islam yang seumpamanya.

(n) Harta karun.

Oleh yang demikian, skop pemungutan hasil oleh kerajaan negeri adalah terbatas kerana butiran-butiran hasil yang diuntukkan kepada negeri-negeri tidaklah begitu banyak dan agak kurang penting pula (Ayub:1984).

